

sepanjang jalan pulang

Walaupun kita mengembara ke seluruh dunia untuk mencari keindahan, kita harus membawa keindahan itu dalam diri kita; sekiranya tidak, kita pasti tidak akan menjumpainya...

Tuesday, June 29, 2010

Sejarah Kuantan (3) : Pemodenan dan Perubahan Dasar Pentadbiran



Campurtangan Inggeris di dalam pentadbiran Negeri Pahang pada tahun 1888 telah memulakan era Sistem Residen. Melalui Sistem Residen, pentadbiran Negeri Pahang telah dibahagikan kepada beberapa daerah, antaranya ialah Daerah

Kuantan. Daerah Kuantan telah ditadbirkan oleh seorang Pegawai Daerah. **Pegawai Daerah yang Pertama dilantik pada 1 Julai 1889 ialah A.H.Wall.**

A.H.Wall mempunyai bidang kuasa yang luas dalam hal ehwal pembangunan tanah, percukaian dan kemasyarakatan. Di samping itu, terdapat banyak sistem pentadbiran negeri dan daerah di Negeri Pahang yang telah diberi nafas baharu melalui perubahan dasar-dasar pentadbiran oleh penjajah Inggeris. Antaranya ialah memperkenalkan sistem pentadbiran penguasa tempatan yang bertanggungjawab terhadap perkhidmatan bandar dan kesihatan kepada penduduk setempat.

Melalui **Warta Kerajaan Pahang Bil. 2167 bertarikh 1 Ogos 1913**, telah ditubuhkan bertanggungjawab terhadap kawalan kebersihan, kesihatan dan pembangunan di dalam kawasan pentadbirannya dengan jawatan pengerusi "Kuantan Sanitary Board" pada masa itu disandang oleh Pegawai Daerah sendiri. Awal tahun 1940-an, Lembaga Bandaran Kuantan diwujudkan bagi menggantikan "Kuantan Sanitary Board", manakala pada 3 Disember 1953 "Kuantan Sanitary Board" Lembaga Bandaran Kuantan dinaikkan taraf kepada **Majlis Bandaran Kuantan.**

Pada tahun yang sama, iaitu pada **2 Mac 1953**, Majlis Mesyuarat Kerajaan Pahang telah membuat keputusan untuk memindahkan pusat pentadbiran Negeri di Kuala Lipis ke Kuantan. **Tanggal 27 Ogos 1955 dengan rasminya KUANTAN diisytiharkan sebagai pusat pentadbiran dan IBU NEGERI PAHANG yang baru.**

Ekoran daripada pengisytiharan itu, pembangunan Kuantan menjadi semakin bertambah pesat. Sebagai ibu negeri, Kuantan bukan sahaja menjadi pusat pentadbiran, tetapi juga menyediakan semua aspek kemudahan sama ada pendidikan, perhubungan, perumahan dan sebagainya sehinggalah Kuantan menjadi tumpuan pelancong.

Memandangkan kemajuan lebih pesat yang berlaku itu, kerajaan telah meluaskan kawasan Majlis Bandaran yang dipersetujui oleh Kerajaan pada awal tahun 1967. Ia diisytiharkan sebagai **Majlis Perbandaran pada 1 September 1979.**

Sebagai pusat pentadbiran, pejabat-pejabat kerajaan dan kemudahan telah disediakan di kawasan sekitar **Jalan Gambut dan Jalan Masjid** sementara rumah kakitangan Kerajaan telah dibina di sekitar **Jalan Teluk Sisek, JALAN TANAH PUTIH, Jalan Haji Abdul Rahman dan Jalan Dato' Lim Hoe Lek** daripada tahun 1948 hingga 1970-an. Antaranya ialah :

Bangunan Pejabat Daerah - dibangunkan di Jalan Besar pada tahun 1915 dan dipindahkan ke Jalan Wall (sekarang Jalan Mahkota) pada awal tahun 1930-an.

Pejabat Pos - dibangunkan pada tahun 1912 di tapak bangunan Hong Kong Bank, kemudiannya dipindahkan ke tapak bangunan Syarikat Telekom Malaysia Berhad sekarang pada tahun 1930-an dan ke Jalan Haji Abdul Aziz pada 1970-an.

Balai Polis - dibangunkan di Jalan Besar pada tahun 1915 dan dipindahkan ke Jalan Mahkota pada awal tahun 1930-an.

Pawagam pertama - didirikan di atas tapak bangunan Hotel Raya pada tahun 1915.

About Me



roshanilawatey

seorang pendidik biasa yang ingin membawa anak didiknya menggapai kejayaan yang luar biasa...

[View my complete profile](#)

Blog Archive

► [2021](#) (3)

► [2020](#) (3)

► [2019](#) (16)

► [2018](#) (44)

► [2017](#) (26)

► [2016](#) (5)

► [2015](#) (8)

► [2014](#) (38)

► [2013](#) (46)

► [2012](#) (66)

► [2011](#) (110)

▼ [2010](#) (161)

► [December 2010](#) (13)

► [November 2010](#) (20)

► [October 2010](#) (26)

► [September 2010](#) (12)

► [August 2010](#) (9)

► [July 2010](#) (16)

▼ [June 2010](#) (30)

[Sejarah Kuantan \(5\) : Kemudahan Pendidikan](#)

[Sejarah Kuantan \(4\) : Sistem Perhubungan & Pengang...](#)

[Sejarah Kuantan \(3\) : Pemodenan dan Perubahan Dasa...](#)

[Sejarah Kuantan \(2\) : Pusat Pengumpulan Hasil Biji...](#)

[Sejarah Kuantan \(1\) : Jom Hebohkan...](#)

[Gaza child talking about his life-English subtitle...](#)

[Corat-coret SUKAN sekolah...](#)

[renungan](#)

[ABE & Piala Dunia FIFA 1986](#)

[Di Padang Ilmu...](#)

[SELAMAT HARI BAPA](#)

[Temu Janji yang Tertangguh](#)

[Ceritera Klate \(2\) : nama negeri...](#)

[Ceritera Klate \(1\) : Umum](#)

[JEJAK SAHABAT \(1\)](#)

[Tukang Cerita @ Bari](#)

[Musim Bekwoh Nikah Kahwin](#)

[SELAMAT HARI LAHIR](#)

[Zubir Ali - Balada Seorang Gadis Kecil](#)

[Lambaian Afrika Selatan 2010...](#)

[TALI AIR & KENANGAN](#)

[KEWAJIPAN @ TANGGUNGJAWAB...?](#)

[JEJAK BERTAPAK](#)

Pasar Kuantan - yang awal telah dibina atas tapak pejabat Pos di Jalan Abdul Aziz sebelum tahun 1920, dipindahkan ke tapak pasar lama Jalan Mahkota pada tahun 1930-an serta ke Jalan Tun Ismail pada tahun 1960-an.

Bank pertama - ialah Merchantile Bank Of India pada tahun 1920 di atas tapak Bangunan Hong Kong Bank.

Pemancar Telekom Bukit Pelindung - dibangunkan pada tahun 1949

Penjara Kuantan - dibangunkan pada tahun 1949 di Jalan Penjara.

Bangunan Kelab Kuantan (KRC) - telah dibangunkan pada tahun 1900-an di Jalan Mahkota.

Pejabat MPK - (Dewan Bandaran) dibangunkan pada tahun 1960 di Jalan Masjid.

Hospital Besar - yang asal terletak di Taman Asia Jalan Penjara dan telah dipindahkan ke tapak Hospital Besar Jalan Tanah Putih pada tahun 1960.

Masjid Sultan Ahmad 1 - dibangunkan dalam tahun 1960 di Jalan Masjid.

Pejabat-pejabat Kerajaan - sebelum tahun 1970, terletak di Jalan Dato' Abu Bakar dan pada 28hb Februari 1970 telah dipindahkan ke Wisma Sri Pahang.

Foto :

- 1) Bangunan KRC yang telah mengalami pengubahsuaian...
- 2) Bangunan hospital kelihatan dari padang KRC dalam tahun 1914

...bersambung lagi...

at June 29, 2010 

Labels: [santai](#), [sejarah](#), [syukur](#)

No comments:

[Post a Comment](#)

[Newer Post](#)

[Home](#)

[Older Post](#)

Subscribe to: [Post Comments \(Atom\)](#)

[Kisah Di sebalik RP KEMUBU](#)

[Nostalgia Musim Cuti Sekolah](#)

[Pasti Menjadi Kenangan : Dataran & Menara ...](#)

[Sepanjang Jalan Kenangan : Kereta Lembu, Cahaya &...](#)

[Sepanjang Jalan Kenangan : Padang Pahlawan dan Mem...](#)

[Menjejak Warisan Sejarah \(3\) : Bukit Cina & Puteri...](#)

[Menjejak Warisan Sejarah \(2\) : Banda Kaba](#)

► [May 2010](#) (12)

► [April 2010](#) (2)

► [March 2010](#) (3)

► [February 2010](#) (8)

► [January 2010](#) (10)

► [2009](#) (127)

Labels

- [syukur](#)
- [santai](#)
- [family](#)
- [nostalgia](#)
- [muhasabah](#)
- [sekolah](#)
- [sahabat](#)
- [warisan](#)
- [umrah](#)
- [doa](#)
- [sejarah](#)
- [ilmu](#)
- [madinah](#)
- [tanggjawab](#)
- [iktibar](#)
- [Makkah](#)
- [smktp](#)
- [cuti](#)
- [famili](#)
- [Haji](#)
- [bahasa](#)
- [makanan](#)
- [Jengka](#)
- [tokoh](#)
- [tugas](#)
- [Hannan](#)
- [SRJK \(I\) Kota](#)
- [cucunda](#)
- [kesihatan](#)
- [aktiviti](#)
- [bersara](#)
- [lawatan](#)
- [leluhur](#)
- [masakan](#)
- [peperiksaan](#)
- [permainan](#)
- [rindu](#)
- [ulang tahun](#)
- [RIADAH](#)
- [reunion](#)
- [PT3](#)
- [SPM](#)
- [bekwoh](#)
- [buah nadir](#)
- [d'LAvender](#)
- [elit](#)
- [hijrah](#)
- [hobi](#)
- [kembara](#)
- [nadir](#)
- [raya](#)
- [sukan](#)